

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah Kementerian akan melaksanakan jalan Telaga-Bongkol Pitas dan apakah peringkat pelaksanaan projek ini sekarang dan berapakah kos yang terlibat dan bilakah ianya dijangka siap sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Naiktaraf Jalan Telaga, Sabah telah diluluskan bagi pelaksanaan Tahun 2019, dengan kos sebanyak RM66.0juta. Skop projek melibatkan kerja-kerja menaiktaraf jalan sepanjang 10km spesifikasi JKR R2 dan sebuah jambatan. Status terkini projek masih di peringkat ukur tanah dan lantikan perunding bagi kerja-kerja rekabentuk. Projek ini dijangka akan ditender pada bulan Ogos tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2023.